

**HUBUNGAN KEMAHIRAN INSANIAH DAN
EFIKASI KENDIRI TERHADAP KESEDIAAN
KERJAYA PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL**

SITI AISYAH BINTI MOHD NONG

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2025

HUBUNGAN KEMAHIRAN INSANIAH DAN EFIKASI KENDIRI TERHADAP KESEDIAAN KERJAYA PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL

oleh

SITI AISYAH BINTI MOHD NONG

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

September 2025

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan izinNya,
diberikan ilham dan kekuatan bagi menyiapkan tesis ini dengan jayanya.

Terima kasih buat penyelia, Dr. Siti Zuraidah binti Md Osman;
atas bimbingan dan nasihat yang diberikan sepanjang dalam tempoh pengajian.

Buat mak ayah tercinta; terima kasih atas titipan doa tanpa jemu buat anakanda
dalam mengharungi perjalanan kehidupan ini.

Teruntuk suami, Mohd Faisal @ Mohd Ilham bin Jaafar;
terima kasih atas segala dorongan dan kata-kata semangat yang diberikan.

Buat anak-anak ibu; Fathi, Fahim, Fateh dan Sumayyah,
terima kasih kerana kalian memahami dan sentiasa mendoakan kejayaan buat ibu.

Buat keluarga tercinta, para sahabat yang sering mendoakan dari kejauhan dan tak
lupa juga teman-teman yang menemani sepanjang tempoh pengajian;
sokongan dan doa kalian amat bermakna.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih buat pihak
Bahagian Tajaan Pendidikan, KPM, PPIP dan IPS USM atas peluang yang diberikan.

Sokongan daripada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung menjadi
pencetus buat diri ini untuk melakukan yang terbaik dan semoga kita dapat berbagi
ilmu yang bermanfaat demi kesejahteraan ummah.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH.....	ix
SENARAI SINGKATAN	x
SENARAI LAMPIRAN.....	xii
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xv
BAB 1 PENGENALAN.....	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	5
1.3 Penyataan Masalah.....	9
1.4 Objektif Kajian.....	13
1.5 Persoalan Kajian.....	14
1.6 Hipotesis Kajian	15
1.7 Kepentingan Kajian.....	15
1.8 Batasan Kajian	17
1.9 Definisi Operasional.....	18
1.9.1 Kemahiran Insaniah.....	18
1.9.2 Efikasi Kendiri.....	21
1.9.3 Kesediaan Kerjaya.....	22
1.10 Rumusan.....	24
BAB 2 SOROTAN KAJIAN.....	25
2.1 Pendahuluan	25
2.2 Kolej Vokasional.....	25

2.3	Kemahiran Insaniah	29
2.3.1	Elemen Kemahiran Insaniah.....	32
2.3.2	Hubungan Kemahiran Insaniah dan Kesiapan Kerjaya	35
2.4	Efikasi Kendiri	38
2.4.1	Elemen Efikasi Kendiri	39
2.4.2	Hubungan Efikasi Kendiri dan Kesiapan Kerjaya	42
2.5	Kesiapan Kerjaya Pelajar	44
2.5.1	Elemen Kesiapan Kerjaya Pelajar	46
2.5.2	Kajian Lepas Kesiapan Kerjaya Pelajar	49
2.6	Teori Kajian	51
2.6.1	Teori Kerjaya Super	51
2.6.2	Kerangka The Partnership 21st Century.....	53
2.6.3	Teori Efikasi Kendiri.....	55
2.6.4	Kerangka Teoritik.....	57
2.7	Kerangka Konseptual	60
2.8	Rumusan.....	61
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	62
3.1	Pendahuluan	62
3.2	Reka Bentuk Kajian	62
3.3	Populasi dan Sampel Kajian.....	64
3.3.1	Penentuan Saiz Sampel.....	66
3.3.2	Justifikasi Pemilihan Sampel.....	67
3.4	Instrumen Kajian	68
3.4.1	Pembangunan dan Kesesuaian Soal Selidik	69
3.5	Terjemahan dan Semakan Bahasa Instrumen Kajian.....	71
3.6	Kesahan Instrumen Kajian	71
3.7	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	73

3.8	Kajian Rintis.....	74
3.9	Prosedur Pengumpulan Data	76
3.10	Prosedur Analisis Data	77
3.10.1	Analisis Deskriptif.....	78
3.10.2	Analisis Inferensi.....	79
3.10.3	Analisis Model Pengukuran	81
3.10.4	Analisis Model Struktural.....	84
3.11	Rumusan.....	85
BAB 4	ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN	87
4.1	Pendahuluan	87
4.2	Penyemakan dan Penapisan Data Kajian	87
4.3	Pengujian Normaliti Data.....	88
4.4	Demografi Responden Kajian	89
4.5	Analisis Deskriptif	91
4.5.1	Tahap Kemahiran Insaniah.....	91
4.5.2	Tahap Efikasi Kendiri.....	92
4.5.3	Tahap Kesediaan Kerjaya.....	92
4.6	Analisis Inferensi	93
4.6.1	Analisis Model Pengukuran	93
4.6.2	Analisis Model Struktural.....	99
4.7	Ringkasan Dapatan Keseluruhan Kajian.....	102
4.7.1	Persoalan Kajian 1: Apakah Tahap Kemahiran Insaniah, Efikasi Kendiri dan Kesediaan Kerjaya Pelajar di Kolej Vokasional?.....	103
4.7.2	Persoalan Kajian 2: Adakah Terdapat Hubungan antara Kemahiran Insaniah dengan Kesediaan Kerjaya Pelajar di Kolej Vokasional? 103	
4.7.3	Persoalan Kajian 3: Adakah Terdapat Hubungan antara Efikasi Kendiri dengan Kesediaan Kerjaya Pelajar di Kolej Vokasional?. 104	
4.7.4	Persoalan Kajian 4: Bagaimanakah Bentuk Kerangka Model Pengukuran Kesediaan Kerjaya Pelajar di Kolej Vokasional?.....	104

4.8	Rumusan.....	105
BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN		107
5.1	Pendahuluan	107
5.2	Ringkasan Keseluruhan Kajian	107
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	109
5.3.1	Perbincangan Dapatan Tahap Kemahiran Insaniah Pelajar di Kolej Vokasional.....	109
5.3.2	Perbincangan Dapatan Tahap Efikasi Kendiri Pelajar di Kolej Vokasional.....	111
5.3.3	Perbincangan Dapatan Tahap Kesianaan Kerjaya Pelajar di Kolej Vokasional.....	113
5.3.4	Hubungan Antara Kemahiran Insaniah Dengan Kesianaan Kerjaya Pelajar di Kolej Vokasional.....	115
5.3.5	Hubungan Antara Efikasi Kendiri dengan Kesianaan Kerjaya Pelajar di Kolej Vokasional.....	116
5.3.6	Pembentukan Kerangka Model Pengukuran Kesianaan Kerjaya Pelajar.....	119
5.4	Implikasi Kajian	122
5.4.1	Perspektif Teoritikal	122
5.4.2	Perspektif Metodologi	123
5.4.3	Perspektif Amalan dan Perkembangan Ilmu	124
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	126
5.6	Rumusan.....	127
RUJUKAN		129
LAMPIRAN		
SENARAI PENERBITAN		

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 Peratus Pelajar Lulusan Kolej Vokasional Bekerja Mengikut Bidang	10
Jadual 1.2 Peratus Pelajar Lulusan KV Berkemahiran Mahir Tahun 2019 – 2021	11
Jadual 2.1 Peringkat Perkembangan Teori Kerjaya Super	52
Jadual 3.1 Populasi Pelajar Mengikut Lokasi Kajian	65
Jadual 3.2 Bilangan Sampel Yang Diperlukan Mengikut Lokasi Kajian	67
Jadual 3.3 Sumber Instrumen Kajian	70
Jadual 3.4 Maklumat Pakar Penilai Kesahan Kandungan	73
Jadual 3.5 <i>Content Validity Index</i> (CVI)	73
Jadual 3.6 Nilai Kebolehpercayaan Alpha Cronbach	74
Jadual 3.7 Dapatan Nilai Alpha Cronbach (α) Kajian Rintis	75
Jadual 3.8 Teknik Analisis Data	78
Jadual 3.9 Interpretasi Julat Skor Min	79
Jadual 4.1 Analisis Normaliti Skewness dan Kurtosis Mardia	88
Jadual 4.2 Analisis Maklumat Demografi Responden	89
Jadual 4.3 Analisis Tahap Kemahiran Insaniah	91
Jadual 4.4 Analisis Tahap Efikasi Kendiri	92
Jadual 4.5 Analisis Tahap Kesiediaan Kerjaya	93
Jadual 4.6 Analisis Peringkat Pertama Model Pengukuran	94
Jadual 4.7 Analisis Heterotrait-Monotrait (HTMT)	97
Jadual 4.8 Nilai <i>Variance Inflation Factor</i> (VIF)	98
Jadual 4.9 Analisis Peringkat Kedua Model Pengukuran	99

Jadual 4.10	Nilai VIF Model Struktural.....	100
Jadual 4.11	Dapatan Pengujian Hipotesis 1	100
Jadual 4.12	Dapatan Pengujian Hipotesis 2	101
Jadual 4.13	Nilai Pekali Penentuan	101
Jadual 4.14	Nilai Kesan Saiz.....	102
Jadual 4.15	Nilai Kerelevanan Peramalan	102

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 Elemen Kemahiran Insaniah	35
Rajah 2.2 Elemen Efikasi Kendiri	42
Rajah 2.3 Elemen Kesianaan Kerjaya	48
Rajah 2.4 Konsep Teori Efikasi Kendiri	57
Rajah 2.5 Kerangka Teoritikal Kajian.....	60
Rajah 2.6 Kerangka Konseptual Kajian	61
Rajah 3.1 Peringkat Pertama Analisis Model Pengukuran	82
Rajah 3.2 Peringkat Kedua Analisis Model Pengukuran	84
Rajah 4.1 Cadangan Kerangka Model Pengukuran Kesianaan Kerjaya Pelajar	105

SENARAI SINGKATAN

AVE	<i>Average Variance Extracted</i>
BPLTV	Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional
CR	<i>Composite Reliability</i>
CVI	<i>Content Validity Index</i>
DPK	Dasar Pendidikan Kebangsaan
DVM	Diploma Vokasional Malaysia
HTMT	<i>Heterotrait-Monotrait</i>
IR4.0	<i>Industrial Revolution 4.0</i>
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPPM	Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
KSKV	Kurikulum Standard Kolej Vokasional
KV	Kolej Vokasional
LP	Lembaga Peperiksaan
NOSS	<i>National Occupational Skills Standard</i>
OJT	<i>On-The-Job Training</i>
OL	<i>Outer Loading</i>
PAK21	Pembelajaran Abad ke-21
PAV	Program Asas Vokasional
PIMA	Perantisan Industri Menengah Atas
PLS-SEM	<i>Partial Least Square – Structural Equations Model</i>
PTA	Projek Tahun Akhir

PVMA	Program Vokasional Menengah Atas
RMKe-12	Rancangan Malaysia ke-12
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Packages for Social Science</i>
STEM	<i>Science Technology Engineering Mathematic</i>
SVM	Sijil Vokasional Malaysia
TPV	Transformasi Pendidikan Vokasional
TVET	<i>Technical Vocational Education and Training</i>

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Surat Mohon Keizinan Menggunakan Instrumen
Lampiran B	Surat Kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia USM
Lampiran C	Surat Kelulusan BPPDP, Kementerian Pendidikan Malaysia
Lampiran D	Surat Kelulusan BPLTV, Kementerian Pendidikan Malaysia
Lampiran E	Pengesahan Kandungan Instrumen
Lampiran F	Soal Selidik
Lampiran G	Jadual Penentuan Saiz Sampel
Lampiran H	Analisis Deskriptif
Lampiran I	Analisis Model Pengukuran

HUBUNGAN KEMAHIRAN INSANIAH DAN EFIKASI KENDIRI TERHADAP KESEDIAAN KERJAYA PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kemahiran insaniah, efikasi sendiri dan kesediaan kerjaya pelajar di kolej vokasional. Kajian ini turut mengkaji hubungan antara kemahiran insaniah dan efikasi sendiri dengan kesediaan kerjaya pelajar serta mencadangkan satu kerangka model pengukuran kesediaan kerjaya pelajar di kolej vokasional. Terdapat lima elemen kemahiran insaniah, lima elemen efikasi sendiri dan empat elemen kesediaan kerjaya yang dikaji. Pendekatan kuantitatif dipilih dengan menggunakan reka bentuk deskriptif bagi menjawab persoalan kajian. Populasi kajian pula terdiri daripada pelajar Kolej Vokasional di semenanjung Malaysia manakala teknik persampelan rawak strata digunakan bagi mendapatkan sejumlah 379 responden kajian. Analisis dilakukan dengan menggunakan perisian SPSS versi 26.0 dan Smart PLS versi 4.0. Dapatan analisis deskriptif menunjukkan tahap kemahiran insaniah ($M = 2.77$, $SD = 0.42$), efikasi sendiri ($M = 2.87$, $SD = 0.34$) dan kesediaan kerjaya ($M = 2.49$, $SD = 0.60$) pelajar di kolej vokasional berada di tahap sederhana. Teknik PLS-SEM yang digunakan bagi analisis inferensi mendapati tidak terdapat hubungan antara kemahiran insaniah ($t = 1.962$, $p = 0.050$) dan efikasi sendiri ($t = 1.354$, $p = 0.176$) dengan kesediaan kerjaya pelajar. Hasil kajian ini dapat dijadikan panduan untuk kegunaan pihak berkepentingan dalam membangunkan satu kerangka model kesediaan kerjaya pelajar seterusnya memberikan satu nilai tambah terhadap amalan khususnya di kolej vokasional. Diharapkan kajian lanjutan dapat diperluas kepada pelajar daripada institusi TVET yang lain agar dapat memberi perbandingan yang lebih luas dan mendalam terhadap pembentukan kerangka model

kesediaan kerjaya. Kesimpulannya, memiliki kesediaan kerjaya adalah penting bagi setiap pelajar dalam melahirkan modal insan yang berkemahiran serta berkeyakinan dalam menghadapi persaingan dunia pekerjaan.

**THE RELATIONSHIP BETWEEN SOFT SKILLS AND SELF-EFFICACY
TOWARDS CAREER READINESS FOR VOCATIONAL COLLEGE
STUDENTS**

ABSTRACT

This study aims to identify the levels of soft skills, self-efficacy, and career readiness among students in vocational colleges. It also examines the relationships between soft skills and self-efficacy with career readiness, while proposing a framework for measuring career readiness in vocational college students. There are five elements of soft skills, five elements of self-efficacy and four elements of career readiness that are assessed. A quantitative approach was selected using a descriptive design to address the research questions. The study population consists of vocational college students in Peninsular Malaysia, and a stratified random sampling technique was employed to obtain a total of 379 respondents. The analysis conducted using SPSS version 26.0 and Smart PLS version 4.0 software. Descriptive analysis findings indicate that the levels of soft skills ($M = 2.77$, $SD = 0.42$), self-efficacy ($M = 2.87$, $SD = 0.34$), and career readiness ($M = 2.49$, $SD = 0.60$) among vocational college students are at a moderate level. The PLS-SEM technique used for inferential analysis found no significant relationship between soft skills ($t = 1.962$, $p = 0.050$) and self-efficacy ($t = 1.354$, $p = 0.176$) with career readiness. The results of this study can serve as a guide for stakeholders in developing a career readiness framework, thereby adding value to practices, particularly in vocational colleges. It is hoped that future research can be expanded to include students from other TVET institutions to provide a broader and deeper comparison for the formation of the career readiness model. In conclusion,

possessing career readiness is essential for every student to develop skilled human capital that is confident in facing the competitive job market.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Technical Vocational Education and Training (TVET) atau juga dikenali sebagai Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (PLTV) diperkenalkan bagi menyediakan tenaga kerja yang mempunyai kepakaran dan berkemahiran tinggi serta dapat memenuhi keperluan industri semasa (Mohd Faiz et al., 2020). Melalui pendedahan terhadap kemahiran khusus yang dipelajari, ia dapat membantu meningkatkan ekonomi sesebuah negara sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga mahir dari luar negara. Menyedari kepentingan TVET dalam menyediakan keperluan pasaran buruh yang berkemahiran dapat membantu pertumbuhan ekonomi sesebuah negara, kebanyakan negara sudah pun mula memberi tumpuan kepada TVET (Hasanefendic et al., 2015; Muhd Khaizer et al., 2020; Suharno et al., 2020).

Pada masa kini, memiliki kesediaan kerjaya dalam kalangan pelajar dilihat sebagai satu aspek penting bagi memastikan mereka bukan sekadar memiliki kemahiran yang diperlukan oleh majikan tetapi juga mempunyai keyakinan diri yang tinggi dalam memastikan mereka membuat keputusan yang tepat dalam memilih pekerjaan yang berpadanan dengan kemahiran yang dimiliki. Majikan masa kini cenderung memilih pekerja yang mempunyai kemahiran insaniah yang baik sebagai elemen nilai tambah yang dapat menguntungkan syarikat (Quaratul 'Aini et al., 2020). Hal ini kerana, kemahiran insaniah merupakan kemahiran yang tidak boleh dipindah milik kepada individu yang lain tetapi berupaya untuk diguna pakai dalam kerjaya yang merentasi bidang. Selain itu, memiliki efikasi sendiri yang tinggi juga membantu

dalam membentuk kesediaan terhadap kerja. Makki et al. (2023) menyatakan, pelajar yang memiliki efikasi sendiri yang tinggi cenderung untuk memilih kerjaya yang sesuai dengan kebolehan dan keupayaan diri mereka sekali gus menunjukkan mereka memiliki kesediaan terhadap pekerjaan yang akan diceburi. Justeru itu, institusi pendidikan TVET dilihat sebagai satu landasan yang tepat dalam memastikan kesediaan kerjaya pelajar dapat dibentuk sebagai langkah awal dalam memastikan tenaga kerja yang dibekalkan kepada pasaran industri sentiasa relevan.

Dalam konteks antarabangsa, negara Jerman terkenal sebagai salah sebuah negara pelopor yang mendasari sistem TVET kerana berupaya untuk menyediakan pelajar dengan kemahiran untuk menceburi khususnya kerjaya dalam bidang teknikal dan vokasional. Haasler (2020) menyatakan sistem TVET di Jerman mempraktikkan konsep dwi pendidikan iaitu menggabungkan pengajaran bilik darjah dengan latihan praktikal dalam industri. Pelajar yang terlibat akan menghadiri sekolah vokasional disamping berkhidmat sebagai perantis dalam industri. Melalui strategi ini, pelajar akan memperoleh kemahiran teori yang diperlukan selain dari latihan praktikal, pengalaman dan pengetahuan tentang cabaran kerjaya dalam industri semasa (Rommel & Michele, 2020). Justeru itu, pelajar TVET di Jerman dilihat mempunyai kesediaan kerjaya yang baik melalui padanan kemahiran dan keperluan sektor yang tepat melalui pelaburan terhadap sistem TVET.

Selain Jerman, negara di Asia seperti Jepun, Korea Selatan dan Singapura juga tidak ketinggalan dalam mengangkat sistem pendidikan TVET sebagai satu cara bagi mewujudkan modal insan yang cekap dan berkemahiran sekali gus berupaya untuk mengekalkan daya saing di peringkat pasaran antarabangsa (Alias et al., 2021). Pemerkasaan terhadap sistem TVET yang dilihat mampu meningkatkan kesediaan kerjaya pelajar menyebabkan pihak berkepentingan di negara ini telah membuat

pelaburan terhadap pembangunan sistem TVET sebagai galakan kepada pelajar untuk menceburi kerjaya dalam bidang teknikal dan vokasional yang menjanjikan peluang yang lumayan. Memberi penekanan kepada kesediaan kerjaya dalam kalangan pelajar adalah salah satu langkah yang baik bagi menyediakan mereka untuk pasaran kerja masa hadapan (Adnan et al., 2021). Ini dapat membantu membina asas yang kukuh tentang situasi pekerjaan yang akan mereka hadapi serta mempersiapkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan setimpal dengan kehendak pasaran semasa.

Sistem TVET di Malaysia turut mengalami perkembangan yang pesat selaras dengan hasrat kerajaan untuk mencapai taraf negara maju dengan melahirkan pasaran tenaga kerja yang berkemahiran tinggi (Zamri, 2022). Banyak institusi TVET seperti kolej vokasional, kolej komuniti dan politeknik telah dibuka dan menawarkan kursus serta kemahiran yang relevan dengan industri semasa sama ada di peringkat sijil, diploma mahupun ijazah. Selain itu, kadar kebolehpasaran pelajar lepasan TVET juga menunjukkan peratusan yang lebih tinggi (Hawati, 2022) membolehkan mereka lebih mudah mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian. Hal ini kerana sistem TVET di negara kita telah melalui evolusi dan penambahbaikan terhadap program yang bukan sahaja tertumpu kepada pengetahuan teori, malah diberi pengukuhan praktikal melalui kerjasama antara pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khususnya dan juga industri. Selain KPM, sistem TVET di Malaysia turut ditadbir urus oleh kementerian lain yang turut menawarkan bantuan dan bimbingan bagi mempersiapkan pelajar dengan kemahiran, pengalaman dan pendedahan sebenar kepada sektor kerjaya (Wahid et al., 2021).

Pihak kerajaan melalui Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) KPM telah melakukan transformasi dengan mewujudkan kurikulum yang menawarkan pengalaman kerja bagi memastikan setiap kursus yang ditawarkan di

peringkat kolej vokasional adalah relevan dan sesuai dengan keperluan semasa sektor industri (Asnul Dahar et al., 2022). Melalui program '*On-The-Job Training*' (OJT), pelajar diberi peluang untuk menimba pengalaman sebenar secara langsung dari industri dan syarikat sekali gus membantu meningkatkan tahap kesediaan kerjaya mereka sebelum menceburi bidang kerjaya yang sebenar. Selain itu, kerajaan Malaysia turut menawarkan insentif kewangan dan biasiswa kepada pelajar yang cenderung mendalami bidang TVET (Chia et al., 2019). Program pensijilan di seluruh negara turut diselaraskan oleh pihak kerajaan bagi mengiktiraf kelayakan graduan TVET dan membantu mereka diambil bekerja dalam sektor mereka. Secara keseluruhannya, sistem TVET di Malaysia dipandang baik kerana kapasitinya untuk memenuhi keperluan industri dan permintaan pasaran buruh yang berkembang, serta keberkesannya dalam menyediakan pelajar untuk berjaya dalam pekerjaan dalam sektor teknikal dan vokasional.

Selari dengan dasar TVET yang diperkenalkan, pihak KPM telah menawarkan program diploma dalam pelbagai bidang yang boleh diceburi oleh pelajar di Kolej Vokasional (KV) sebagai satu langkah persediaan sebelum mereka ke alam kerjaya. Program yang ditawarkan merangkumi sepuluh bidang utama yang dilihat mampu untuk memenuhi keperluan industri seiring dengan kepesatan perkembangan teknologi masa kini. Menurut Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional KPM (2021b), program yang ditawarkan di Kolej Vokasional adalah setara dengan program yang ditawarkan di institusi TVET yang lain menjadikan lepasan KV bukan sahaja memiliki kepakaran dalam bidang yang diceburi malah mereka turut memiliki kelayakan yang setara. Kesediaan kerjaya yang merangkumi kebolehan individu secara kognitif serta tingkah laku yang dapat menambah kualiti kerja merupakan faktor yang dicari oleh majikan untuk menggajikan pekerja (Mohd Syukri Abdullah, Al-

Dubai, et al., 2024). Namun, keperluan terhadap model pengukuran khusus bagi melihat kesediaan kerjaya yang dimiliki terutamanya yang melibatkan kalangan pelajar di institusi TVET masih kurang diperhalusi (Salmi Harun et al., 2021). Hal ini menjadikan keperluan kajian bagi membangunkan model pengukuran kesediaan kerjaya pelajar adalah wajar bagi memastikan KV melahirkan modal insan yang mampu bersaing dengan lepasan institusi TVET yang lain.

1.2 Latar Belakang Kajian

TVET merupakan satu cabang sistem pendidikan yang memberi tumpuan kepada persediaan pelajar untuk memasuki tenaga kerja sebaik sahaja menamatkan pengajian. Selain dari menyediakan pelajar untuk kemasukan ke pekerjaan tertentu, TVET juga dilihat sebagai satu pendidikan khusus yang bertujuan untuk membantu pekerja yang sudah bekerja untuk meningkatkan kebolehan mereka (Asnul Dahar et al., 2022). Jalinan kerjasama antara industri dan institusi pendidikan merupakan teras kepada sistem TVET dimana ia turut melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran serta tumpuan terhadap pembangunan kemahiran yang khusus. Cabaran pada masa kini adalah sistem TVET dilihat sebagai batu loncatan dalam menyediakan individu untuk pasaran kerja yang baru muncul (Chia et al., 2019). Justeru itu, pendekatan perlu diambil menerusi penggubalan kurikulum yang bersesuaian dengan keperluan abad ke-21 yang menggabungkan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan juga teknologi semasa.

Sejarah TVET secara formal di Malaysia bermula pada tahun 1926 menerusi penubuhan Sekolah Perdagangan di Kuala Lumpur (Asnul Dahar et al., 2022). Ia bertujuan untuk memberi pendidikan perdagangan kepada para belia pada ketika itu menerusi beberapa program yang ditawarkan antaranya adalah asas pertukangan,

membaiki jentera, pendawaian elektrik dan juga binaan bangunan. Selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, pihak kerajaan mula memberi perhatian yang khusus terhadap TVET (Ruzita et al., 2020; Tazifuzin & Dani, 2021) melalui penubuhan beberapa sekolah vokasional yang berfungsi untuk membekalkan pasaran kerja yang diperlukan dalam sektor pertanian, perindustrian dan juga sektor ekonomi. Usaha dan komitmen yang berterusan dari pihak kerajaan dalam menggubal, mempromosi serta menyelaraskan strategi dan program TVET bagi memastikan ianya memenuhi keperluan ekonomi, teknologi dan masyarakat Malaysia dilihat sebagai suatu pendekatan yang positif dalam memastikan negara sentiasa berada di landasan yang betul untuk bersaing di peringkat global.

Pada tahun 2010, kerajaan telah mengambil inisiatif sekali lagi bagi memperkasakan TVET di Malaysia dengan memperkenalkan Dasar TVET Negara (Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional KPM, 2021b). Melalui dasar ini, Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) telah diberi perhatian sekali gus ditambah baik mengikut kesesuaian dalam menempuhi pembelajaran pada abad ke-21. Pihak kerajaan menerusi Majlis TVET Negara telah melancarkan dasar ini bertujuan untuk memperkukuh sistem pendidikan vokasional di Malaysia berikutan permintaan yang tinggi dari industri untuk pasaran tenaga kerja yang mempunyai kepakaran dan juga berkemahiran tinggi. Di peringkat global, sistem TVET telah terbukti dapat memenuhi kehendak industri (Adnan et al., 2021; Alias Masek et al., 2021) dan pelajar lepasan institusi TVET juga mempunyai kebolehpasaran yang lebih baik berbanding lepasan bukan TVET (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar KPT, 2021).

Bagi membangunkan modal insan berkemahiran dan berjati diri yang dapat memenuhi permintaan industri serta menyokong pergerakan semua sektor ekonomi ke arah menjadi negara berpendapatan tinggi (Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal

Vokasional KPM, 2021b). TPV dilihat sebagai satu usaha yang baik dengan menggalakkan pendekatan yang diterajui industri sama ada sektor awam mahupun swasta. Hal ini dapat memastikan pelaburan yang dibuat dapat membuahkan hasil yang setimpal sekali gus membuka peluang kepada lepasan institusi TVET untuk terus bekerja dalam industri yang selari dengan pengkhususan kemahiran mereka. Selain itu, pendekatan ini juga dapat memberi persediaan awal dan pendedahan kepada pelajar untuk merancang kerjaya yang boleh diceburi selepas menamatkan pengajian.

Pendedahan kepada pilihan kerjaya yang boleh diterokai di pasaran dan perancangan terhadap kerja dilihat sebagai satu proses awal di peringkat menyediakan seseorang individu untuk kerjaya selepas tamat belajar. Selain itu, pengukuhan terhadap penguasaan kemahiran insaniah juga menjadi satu aspek yang diambil kira dalam membentuk kesediaan kerjaya pelajar (Anusuya & Hashima, 2022). Sering kali tumpuan terhadap pembangunan kemahiran insaniah pelajar diberi kepada institusi pengajian tinggi khususnya universiti bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan lepasan universiti (Teng et al., 2019) selain dari pendidikan pada peringkat ini dikenal pasti sebagai sasaran kepada pasaran pekerjaan. Menurut Nur Dalila dan Ruslin (2017) dan Zuraini et al. (2022), penerapan kemahiran insaniah di peringkat menengah yang merangkumi penekanan dan pembangunan perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Hal ini kerana majikan mula mencari tenaga kerja yang bukan sahaja mempunyai kepakaran dalam kemahiran teknikal, namun turut menetapkan kriteria kemahiran insaniah untuk menggajikan pekerja selari dengan keperluan pekerjaan pada abad ke-21 (Anusuya & Hashima, 2022; I Made Suarta et al., 2017).

Selain itu, pembangunan tingkah laku dan sikap dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional turut dipengaruhi oleh persekitaran melalui pendedahan terhadap pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari dalam menghasilkan sesuatu produk atau

menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan bidang vokasional (Reddan, 2015; Shafarizan et al., 2019). Hal ini secara tidak langsung telah meningkatkan keyakinan diri pelajar untuk meneroka dan menetapkan matlamat dalam bidang kerjaya yang boleh diceburi pada masa akan datang. Kolaborasi antara KV dan rakan strategik dalam industri dilihat dapat memberi pengalaman suasana kerja kepada pelajar sekali gus meningkatkan keupayaan efikasi sendiri pelajar untuk menonjolkan sisi positif dalam melahirkan pekerja yang berkemampuan menangani cabaran dalam bidang kerjaya (Petruzziello et al., 2021). Ia juga memberi ruang kepada pelajar untuk berinovasi dan meningkatkan kreativiti yang sedia ada dalam diri. Hal ini penting kerana bidang kerjaya TVET memerlukan kepercayaan diri yang tinggi terhadap keupayaan diri individu dalam membuat pertimbangan yang sewajarnya ketika membuat keputusan dalam kerjaya. Sikap sebegini mampu melahirkan satu ekosistem TVET yang kondusif dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa sekali gus dapat meningkatkan taraf kehidupan ke arah yang lebih baik.

Pada tahun 2020, terdapat 11 kementerian yang bekerjasama dan menawarkan program TVET di Malaysia yang melibatkan sebanyak 1248 institusi antaranya adalah Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Sumber Manusia. Kerjasama ini bertujuan untuk membuka peluang kepada pelajar untuk meneroka pasaran kerja di era *Industrial Revolution 4.0* (IR 4.0) sekali gus dapat meningkatkan kesediaan kerjaya dalam kalangan pelajar seawal di peringkat sekolah (Poh et al., 2018). Memiliki kesediaan kerjaya yang baik dapat membantu seseorang individu dalam membuat perancangan, penerokaan dan juga pemilihan tentang kerjaya yang bakal diceburi. Individu yang memiliki kesediaan kerjaya mempunyai peluang yang lebih cerah untuk diterima bekerja kerana dilihat bersedia untuk menceburi bidang kerjaya (Fazillah & Abdullah,

2020). Selain itu juga, menyediakan pelajar dengan perancangan dalam membuat pilihan hala tuju kerjaya juga perlu dititik berat bagi memastikan padanan kerja yang relevan dengan kemahiran yang dipelajari agar dapat membantu mereka untuk menyesuaikan diri dalam persekitaran kerja masa hadapan yang kompleks dan pelbagai rupa.

1.3 Penyataan Masalah

Melalui transformasi TVET, kolej vokasional telah dinaik taraf dan dibangunkan bagi mengupayakan pelajar bukan sahaja untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi tetapi juga mempersiapkan modal insan yang mempunyai kesediaan terhadap kerjaya sekali gus memenuhi kuota tenaga pekerja mahir dan separuh mahir (Afif Rahman et al., 2022). Namun begitu, timbul persoalan sama ada pelajar KV ini telah bersedia untuk menghadapi cabaran kerjaya dalam sektor TVET selepas mereka menamatkan pengajian selari dengan kemahiran yang dimiliki. Hal ini kerana, Fazillah dan Abdullah (2020) dalam kajian beliau mendapati isu kesediaan kerjaya pelajar KV masih di tahap yang rendah dari aspek perancangan terhadap kerjaya, keyakinan membuat keputusan untuk memilih kerjaya dan kurang penerokaan terhadap maklumat kerjaya yang berpadanan dengan kemahiran yang mereka pelajari. Kurang kesediaan kerjaya telah menyebabkan pelajar lepasan KV tidak memilih kerjaya yang sesuai dengan kemahiran yang mereka miliki.

Bermula pada tahun 2021, BPLTV KPM telah menetapkan sasaran sebanyak 70% pelajar lepasan KV untuk bekerja dalam bidang yang selari dengan pengajian yang mereka ikuti semasa di peringkat diploma. Dapatan kajian yang dijalankan Farrah Syamimi et al. (2021) mendapati hanya 36% lepasan TVET bekerja selari dengan bidang pengajian mereka. Melalui data terkini yang diperolehi dari laman web BPLTV

KPM pula mendapati hanya 63.13% graduan yang bekerja dalam bidang (Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional KPM, 2023). Jumlah ini masih tidak mencapai sasaran yang ditetapkan sekali gus jika tidak ditangani akan menjejaskan tahap kemahiran pelajar lepasan KV yang memiliki kepakaran khusus namun tidak digunakan sepenuhnya. Jadual 1.1 menunjukkan hanya satu daripada sepuluh program yang ditawarkan melepasi sasaran peratusan graduan KV yang bekerja mengikut bidang iaitu bidang perkhidmatan masyarakat.

Jadual 1.1

Peratus Pelajar Lepasan Kolej Vokasional Bekerja Mengikut Bidang

Bidang	Peratus bekerja mengikut bidang (%)	Peratus bekerja tidak mengikut bidang (%)
Pertanian	31.28	68.72
Teknologi Maklumat	33.06	66.94
Pembuatan dan Pemprosesan	37.58	62.42
Teknologi Awam	42.49	57.51
Teknologi Elektrik dan Elektronik	46.30	53.70
Teknologi Mekanikal dan Pembuatan	52.44	47.56
Perniagaan	56.57	43.43
Hospitaliti	59.49	40.51
Seni Reka	60.00	40.00
Perkhidmatan Masyarakat	70.83	29.17

Sumber: Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional KPM (2021a)

Kurang memiliki kesediaan kerjaya dalam kalangan pelajar KV bukan sahaja menyebabkan ketidakpadanan kerja yang sesuai dengan kemahiran yang dimiliki, ia juga boleh menyebabkan berlaku pembaziran modal insan yang berkemahiran sekali gus menyebabkan tenaga kerja mahir tidak mencukupi dalam pasaran buruh (Mohd Azilan et al., 2018). Data yang dibentangkan dalam laporan kajian pengesanan graduan tahun 2021 menunjukkan trend penurunan bagi kategori pelajar lepasan institusi TVET yang memiliki tahap kemahiran mahir daripada 47.0% pada tahun 2019 kepada

42.8% pada tahun 2021. Jelas, situasi ini menggambarkan terdapat satu jurang yang perlu dikaji bagi meninjau tahap kesediaan kerjaya pelajar institusi TVET khususnya yang menyambung pengajian di Kolej Vokasional sama ada mereka telah menguasai kemahiran yang dipelajari atau sebaliknya. Hal ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya kerana menurut perspektif majikan, pelajar yang mempunyai kemahiran dan keyakinan yang tinggi dilihat lebih bersedia untuk menceburi bidang kerjaya yang selari dengan bidang pengajian mereka.

Jadual 1.2

Peratus Pelajar Lepasan KV Berkemahiran Mahir Tahun 2019 – 2021

Tahap kemahiran	Tahun		
	2019	2020	2021
	(n = 45, 398)	(n = 38, 783)	(n = 44, 166)
Mahir	47.0	43.9	42.8

Sumber: Kementerian Pendidikan Tinggi (2022)

Melalui analisis data tiga tahun yang ditunjukkan dalam Jadual 1.2, dapat dilihat pelajar lepasan KV yang memiliki tahap kemahiran mahir semakin menurun. Antara faktor yang menyumbang kepada penurunan peratus tenaga mahir graduan lepasan KV adalah kerana pelajar kurang diberi pendedahan tentang laluan kerjaya yang bersesuaian dengan bidang mereka (Chye et al., 2021). Ini menyebabkan mereka lebih selesa untuk menerima apa sahaja tawaran kerja yang dapat memberi pendapatan bagi menampung keperluan hidup walaupun pekerjaan tersebut tidak selari dengan bidang pengajian mereka. Isu ini jika tidak diatasi akan memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi negara kerana modal insan yang berkemahiran tidak digunakan sebaiknya walaupun telah banyak pelaburan yang dilakukan terhadap institusi TVET dalam negara dan perlu bergantung kepada tenaga mahir dari luar negara.

Selain itu, salah satu pemacu perubahan dalam dasar Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) adalah membangunkan bakat masa hadapan melalui penambahbaikan terhadap ekosistem TVET (Kementerian Ekonomi Malaysia, 2021). Hal ini bagi memastikan pelajar khususnya lepasan institusi pengajian TVET dalam negara mempunyai kesediaan kerjaya bukan sahaja dari segi kepakaran teknikal yang dimiliki malah dari aspek penguasaan kemahiran insaniah yang baik melalui transformasi terhadap kurikulum TVET. Adnan et al. (2021) menyatakan bahawa kurang kesediaan terhadap kerjaya menimbulkan satu cabaran bagi pelajar dalam menyesuaikan diri dengan peralihan ke alam pekerjaan menyebabkan mereka tidak menguasai kemahiran insaniah dengan baik. Ini telah menyebabkan isu pelajar KV kurang menguasai kemahiran insaniah yang diperlukan oleh majikan telah menyebabkan majikan dari sektor industri kurang berkeyakinan untuk menggajikan mereka (Ahmad Shobah et al., 2021). Hal ini kerana majikan bukan sahaja memerlukan tenaga kerja yang memiliki kepakaran secara teknikal, majikan juga turut mengambil kira keupayaan individu yang memiliki kemahiran insaniah yang baik sebagai elemen nilai tambah yang dapat menguntungkan syarikat.

Kurikulum KV yang ditambahbaik turut menerapkan lapan aspek kemahiran insaniah seperti yang digariskan oleh KPM. Namun begitu dapatan kajian lepas yang dijalankan mendapati pelajar KV memiliki tahap kemahiran insaniah yang sederhana (Normah et al., 2020) sekali gus menyebabkan majikan kurang yakin untuk menggajikan pelajar lepasan KV berbanding pelajar lepasan institusi TVET yang lain. Ini menyebabkan berlaku lambakan tenaga pasaran buruh yang berkemahiran. Seiring dengan kepesatan dan kecanggihan teknologi yang digunakan dalam industri, majikan menetapkan beberapa kriteria kemahiran insaniah yang diperlukan pada abad ke-21

dalam konteks yang lebih luas untuk menggajikan pekerja (Nurhanim Saadah et al., 2020).

Selain itu juga, mentaliti masyarakat yang memandang TVET sebagai pendidikan kelas kedua dan tidak mempunyai peluang kerjaya yang lumayan (Ba & Ruhizan, 2022) menyebabkan pelajar cenderung untuk memiliki efikasi sendiri yang rendah. Menurut Fam et al. (2021) efikasi sendiri sangat berkait rapat dengan keyakinan murid dalam membuat keputusan dalam mencapai matlamat diri sekali gus bersedia dengan kerjaya yang akan diceburi. Kajian Muhd Khaizer et al. (2023) mendapati bahawa efikasi sendiri pelajar Kolej Vokasional masih di tahap sederhana kerana mereka kurang mendapat pendedahan dan pengalaman terhadap industri sekali gus menyebabkan mereka kurang yakin untuk membuat perancangan terhadap kerjaya di masa hadapan. Ini menunjukkan bahawa efikasi sendiri turut memberi kesan terhadap kesediaan kerjaya kerana pelajar yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi akan berusaha ke arah matlamat dan perancangan kerjaya yang selari dengan bidang pengajian mereka walaupun terdapat kesukaran yang perlu mereka tempuhi. Oleh itu kajian ini adalah wajar bagi mengenal pasti tahap dan hubungan antara kemahiran insaniah dan efikasi sendiri dalam membentuk kesediaan kerjaya dalam kalangan pelajar di Kolej Vokasional.

1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara kemahiran insaniah, efikasi sendiri dan kesediaan kerjaya pelajar di kolej vokasional. Manakala, objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap kemahiran insaniah, efikasi sendiri dan kesediaan kerjaya pelajar di Kolej Vokasional.
2. Mengenal pasti hubungan antara kemahiran insaniah dengan kesediaan kerjaya pelajar di Kolej Vokasional.
3. Mengenal pasti hubungan antara efikasi sendiri dengan kesediaan kerjaya pelajar di Kolej Vokasional.
4. Mencadangkan kerangka model pengukuran kesediaan kerjaya pelajar di Kolej Vokasional.

1.5 Persoalan Kajian

Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian yang berikut :

1. Apakah tahap kemahiran insaniah, efikasi sendiri dan kesediaan kerjaya pelajar di Kolej Vokasional?
2. Adakah terdapat hubungan antara kemahiran insaniah dengan kesediaan kerjaya pelajar di Kolej Vokasional?
3. Adakah terdapat hubungan antara efikasi sendiri dengan kesediaan kerjaya pelajar di Kolej Vokasional?
4. Bagaimana bentuk kerangka model pengukuran kesediaan kerjaya pelajar di Kolej Vokasional?

1.6 Hipotesis Kajian

Kajian penyelidikan ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian yang dinyatakan. Justeru itu, hipotesis kajian dibina seperti berikut bagi menyokong matlamat statistik kajian ini:

1. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran insaniah dengan kesediaan kerjaya pelajar di Kolej Vokasional.
2. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi sendiri dengan kesediaan kerjaya pelajar di Kolej Vokasional?

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberi tumpuan dalam konteks ekosistem di KV khususnya dalam memberikan kefahaman berkenaan hubungan antara kemahiran insaniah, efikasi sendiri dan kesediaan kerjaya pelajar. Dapatan kajian ini berpotensi untuk membantu kemenjadian institusi pendidikan khususnya pelajar KV dalam mengenal pasti peluang kerjaya yang boleh diteroka oleh mereka. Melalui kerangka model pengukuran hasil kajian ini dapat membantu mempersiapkan modal insan berkemahiran untuk bersedia dengan kerjaya yang belum wujud pada masa kini seiring dengan kepesatan penggunaan teknologi semasa. Hal ini kerana penguasaan dalam aspek kemahiran insaniah dan efikasi sendiri adalah perkara penting dalam menentukan kesediaan kerjaya pelajar dan membantu meningkatkan keyakinan diri pelajar untuk menceburi kerjaya dan berjaya dalam kerjaya pilihan mereka.

Kajian ini juga penting dalam mengenal pasti elemen kemahiran insaniah dan efikasi sendiri yang perlu dipupuk dalam diri pelajar khususnya di KV. Hal ini kerana, mereka adalah pelapis tenaga kerja berkemahiran mahir yang terlatih dalam bidang

kepakaran tertentu. Memenuhi elemen yang diperlukan oleh pasaran kerja akan memberi nilai tambah kepada individu dalam proses membina kesediaan kerjaya pada masa akan datang. Selain itu, kajian ini diharap dapat membantu barisan penggubal Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) untuk menumpukan keperluan aspek kemahiran insaniah yang selari dengan keperluan semasa industri. Pendekatan pendidikan yang menyeluruh dapat membantu mengembangkan kemahiran insaniah pada abad ke-21 dalam diri pelajar seperti kemahiran fleksibiliti dan kebolehsuaian, kemahiran inisiatif dan sendiri, kemahiran sosial dan silang budaya, kemahiran produktiviti dan akauntabiliti serta kemahiran kepimpinan dan pertanggungjawaban.

Seterusnya, kerangka model pengukuran yang terhasil dijangka dapat membantu kaunselor dalam membimbing dan mempersiapkan pelajar di KV untuk membuat keputusan berkenaan kerjaya dengan lebih yakin. Kaunselor juga dapat memainkan peranan untuk membantu pelajar untuk mencipta matlamat diri mereka terhadap peluang kerjaya yang boleh diceburi dan strategi untuk mendepani halangan yang mungkin mereka hadapi sebelum melangkah ke alam pekerjaan yang sebenar. Dapatan dari kajian ini boleh digunakan oleh pihak kaunselor untuk membina intervensi dan pendekatan kaunseling kerjaya yang lebih sesuai dengan keperluan pelajar di KV.

Dari sudut implikasi kepada penggubal polisi pula, kajian ini diharap dapat mempengaruhi aspek pembangunan dasar TVET, peruntukan sumber, pelaksanaan program dan latihan yang diperlukan. Ini membantu dalam meningkatkan standard keseluruhan terhadap pengiktirafan sistem TVET di Malaysia dan penggubal polisi dapat mengatur strategi yang lebih sesuai untuk memenuhi kehendak dan menjalinkan kerjasama dengan pihak industri. Secara tidak langsung, kerjasama ini dapat memberi

impak kepada pelajar untuk meneroka peluang kerjaya yang boleh diceburi dan membuat persediaan mengikut kriteria yang dikehendaki oleh industri.

Akhir sekali, kajian ini boleh dijadikan sebagai asas untuk pengkaji lain menjalankan penyelidikan yang lebih mendalam dalam mengenal pasti hubungan antara kemahiran insaniah dan efikasi sendiri dengan kesediaan kerjaya pelajar yang melibatkan institusi TVET yang lain. Kajian lanjutan yang meninjau faktor-faktor mempengaruhi kesediaan kerjaya pelajar dan intervensi untuk meningkatkan kemahiran insaniah dan efikasi sendiri juga dicadangkan untuk pengkaji di masa hadapan.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini hanya melibatkan sampel dari kalangan pelajar di Kolej Vokasional yang sedang melanjutkan pengajian pelbagai bidang di peringkat diploma. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak semestinya dapat digeneralisasikan kepada pelajar di institusi TVET yang lain. Tambahan pula, setiap Kolej Vokasional yang beroperasi memiliki persekitaran pendidikan yang tersendiri dan berbeza antara satu sama lain. Selain itu, pemilihan Kolej Vokasional bagi menjalankan kajian ini dibuat berdasarkan maklumat, khidmat nasihat serta kebenaran daripada BPLTV KPM yang mengurus pelaksanaan operasi KV di seluruh Malaysia.

Batasan dalam kajian ini hanya melibatkan pelajar di peringkat diploma yang masih berada dalam ekosistem TVET di Kolej Vokasional kajian dan tidak melibatkan bekas pelajar yang telah bergraduasi. Latar belakang bidang yang pelbagai dipilih bagi memberi peluang kepada semua pelajar diploma di KV untuk menjadi responden kajian. Hal ini adalah untuk mendapatkan persepsi sebenar pelajar di peringkat

diploma daripada pelbagai bidang yang ditawarkan di KV terhadap kebolehan dan kesediaan diri terhadap kerjaya yang bakal diceburi melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dialami dan mengaitkan pengetahuan dan kemahiran tersebut dengan persediaan untuk bekerja dalam bidang TVET pada masa akan datang.

1.9 Definisi Operasional

Terdapat beberapa definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini bagi menerangkan maksud sesuatu istilah dengan lebih jelas dan selari dengan kajian.

1.9.1 Kemahiran Insaniah

Ping dan Ling (2023) mendefinisikan kemahiran insaniah sebagai kecekapan individu menggabungkan aspek kemahiran yang dicari oleh majikan hasil bagi membantu individu tersebut untuk menyesuaikan diri dan berkelakuan dengan baik apabila menghadapi masalah dalam kehidupan seharian dan profesional mereka. Dalam kajian ini, istilah kemahiran insaniah yang digunakan merujuk kepada gabungan kemahiran yang diperlukan oleh majikan dalam mendepani cabaran kerjaya di abad ke-21 yang mencakupi kemahiran fleksibiliti dan kebolehsuaian, kemahiran inisiatif dan sendiri, kemahiran sosial dan silang budaya, kemahiran produktiviti dan akauntabiliti serta kemahiran kepimpinan dan pertanggungjawaban.

1.9.1(a) Kemahiran Fleksibiliti dan Kebolehsuaian

Kemahiran ini merangkumi kemahiran menjadi fleksibel dan berupaya untuk menyesuaikan diri dengan perubahan. Menurut Wrahatnolo dan Munoto (2018), kemahiran fleksibiliti dan kebolehsuaian adalah kebolehan pelajar untuk

menyesuaikan diri dengan perubahan serta berupaya menjadi fleksibel ketika melakukan aktiviti dan proses pembelajaran secara berpasukan. Dalam kajian ini, kemahiran ini akan melihat sejauh manakah pelajar yakin untuk bertindak secara berkesan apabila menerima kritikan, maklum balas, pendapat dan pandangan orang lain dalam mencapai penyelesaian yang dipersetujui serta bagaimana pelajar mampu untuk menunjukkan keupayaan mereka untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran walaupun dalam keutamaan yang tidak menentu dan situasi yang tidak dijangka.

1.9.1(b) Kemahiran Inisiatif dan Kendiri

Menurut Wrahatnolo dan Munoto (2018), kemahiran inisiatif dan kendiri melibatkan konteks kemahiran mengurus matlamat dan masa, bekerja secara berdikari, pembelajaran kendiri disamping bekerja secara beretika dan mengambil bahagian dalam penambahbaikan berterusan. Dalam kajian ini, kemahiran ini adalah untuk melihat persepsi pelajar dalam menetapkan objektif jangka pendek dan panjang yang realistik terutamanya dari segi pengurusan masa dan beban kerja, melihat keyakinan pelajar untuk melaksanakan aktiviti tanpa pengawasan secara langsung serta melihat keupayaan pelajar untuk mempelajari idea dan konsep baharu di samping memenuhi tugas sebagai komitmen kepada proses pembelajaran.

1.9.1(c) Kemahiran Sosial dan Silang Budaya

Wrahatnolo dan Munoto (2018) menyatakan konteks kemahiran yang ditekankan dalam kemahiran sosial dan silang budaya adalah komunikasi berkesan dengan orang lain dan bekerja secara berkesan dalam pasukan yang pelbagai. Kemahiran ini dikaji untuk melihat sejauh manakah pelajar boleh berkomunikasi secara berkesan dengan orang lain serta persepsi pelajar tentang keupayaan mereka

untuk bekerjasama dengan orang yang berlainan dari segi budaya, agama dan gaya hidup yang pelbagai.

1.9.1(d) Kemahiran Produktiviti dan Akauntabiliti

Kemahiran ini melihat kepada kebolehan pelajar merangkumi mengurus projek dan aktiviti yang berorientasikan kepada matlamat dan penjanaan hasil (Wrahatnolo & Munoto, 2018). Kajian ini akan melihat sejauh manakah pelajar berkebolehan dalam pengurusan seperti menetapkan dan mencapai matlamat walaupun menghadapi persaingan. Selain itu, konteks dalam kemahiran ini yang dikaji adalah melihat kebolehan pelajar untuk menghasilkan produk berkualiti tinggi yang terdiri daripada etika, pengurusan masa dan projek, bekerjasama, menghormati serta bertanggungjawab sepanjang tempoh pembelajaran mereka.

1.9.1(e) Kemahiran Kepimpinan dan Pertanggungjawaban

Menurut Wrahatnolo dan Munoto (2018), kemahiran kepimpinan dan pertanggungjawaban merangkumi konteks kemahiran membimbing dan memimpin orang lain, berfikir secara rasional, mengurus dan mengagihkan tugas serta bertanggungjawab terhadap orang lain. Dalam kajian ini, kemahiran ini akan meninjau persepsi pelajar terhadap kualiti kemahiran interpersonal mereka iaitu mempamerkan kualiti kepimpinan untuk mempengaruhi tingkah laku dan tindakan orang lain. Selain itu juga, kemahiran ini akan melihat keupayaan pelajar untuk menunjukkan sikap bertanggungjawab terhadap diri dan organisasi.

1.9.2 Efikasi Kendiri

Efikasi kendiri ditakrifkan sebagai keyakinan diri terhadap keupayaan individu yang menjurus kepada tindakan yang diambil terhadap perancangan kerjaya mereka (Nor Hazwani & Sheerad, 2020). Dalam kajian ini, efikasi kendiri diterjemahkan sebagai keyakinan individu terhadap tindakan mereka dalam membuat perancangan dan menentukan keputusan memilih kerjaya yang akan diceburi. Keyakinan tersebut meliputi penilaian diri, maklumat pekerjaan, matlamat pilihan, perancangan dan penyelesaian masalah.

1.9.2(a) Penilaian Diri

Penilaian diri adalah proses menilai kemahiran, minat, nilai dan kebolehan diri berkaitan dengan pilihan kerjaya. Ia juga melibatkan refleksi tentang kekuatan dan kelemahan peribadi dalam membuat keputusan melibatkan potensi laluan kerjaya yang boleh diceburi.

1.9.2(b) Maklumat Pekerjaan

Ini merangkumi pengetahuan dan pemahaman tentang pelbagai pekerjaan termasuk tanggungjawab pekerjaan, kemahiran yang diperlukan, keadaan kerja dan laluan kerjaya yang berpotensi. Ia adalah penting untuk membuat keputusan kerjaya dan memahami pasaran pekerjaan.

1.9.2(c) Matlamat pilihan

Elemen ini menerangkan tentang proses mengenal pasti dan memilih matlamat atau objektif kerjaya tertentu berdasarkan minat peribadi, nilai dan maklumat yang

dikumpul berkaitan kepelbagaian pekerjaan. Ia juga melibatkan penetapan sasaran yang jelas dan boleh dicapai untuk pembangunan kerjaya seseorang.

1.9.2(d) Perancangan

Perancangan melibatkan pembangunan pendekatan berstruktur untuk mencapai matlamat kerjaya. Ini termasuk menggariskan langkah, garis masa dan sumber yang diperlukan untuk meneruskan laluan atau objektif kerjaya tertentu.

1.9.2(e) Penyelesaian Masalah

Ia merujuk kepada keupayaan untuk mengenal pasti cabaran atau halangan dalam proses membuat keputusan berkaitan kerjaya dan membangunkan strategi untuk mengatasinya. Selain dari itu, ia melibatkan penjanaan pilihan alternatif dan membuat keputusan apabila berhadapan dengan ketidakpastian atau kesukaran dalam mencapai matlamat kerjaya.

1.9.3 Kesiediaan Kerjaya

Menurut Makki et al. (2023), kesiediaan kerjaya ditakrifkan sebagai memiliki kebolehan diri, kualiti dan pengetahuan kemahiran yang diperlukan untuk meningkatkan peluang mendapat pekerjaan. Istilah kesiediaan kerjaya dalam kajian ini merujuk kepada kebolehan pelajar Kolej Vokasional dalam mempersiapkan diri mereka untuk meneroka cabang kerjaya dalam bidang TVET yang meliputi empat elemen iaitu perasaan ingin tahu bagi meneroka peluang kerjaya, keprihatinan terhadap perancangan kerja pada masa hadapan, keyakinan dalam membuat keputusan pemilihan kerjaya dan rundingan dalam membina pilihan kerjaya.

1.9.3(a) Ingin Tahu

Ingin tahu merujuk kepada penjelasan terhadap proses penerokaan yang digunakan bagi mendapatkan maklumat tentang peluang pekerjaan berdasarkan kepada kekuatan dan minat seseorang. Ini termasuk juga keinginan untuk mengetahui lebih lanjut tentang pilihan kerjaya yang tersedia.

1.9.3(b) Keprihatinan

Keprihatinan merujuk kepada objektif dan perancangan terhadap kerjaya masa hadapan. Ia melibatkan kesedaran seseorang terhadap pilihan kerjaya yang ada dan pendekatan yang diambil oleh mereka bagi mencapai matlamat kerjaya mereka.

1.9.3(c) Keyakinan

Elemen ini memperihalkan tentang kemahiran yang dimiliki oleh seseorang dalam membuat keputusan, melaksanakan tugas dan mengendalikan peralihan dalam kerjaya mereka. Individu yang percaya terhadap diri lebih cenderung untuk mengambil risiko dan mencari peluang kerjaya.

1.9.3(d) Rundingan

Penilaian elemen rundingan dalam kajian ini memperincikan tentang bagaimana untuk membuat keputusan dalam proses memilih kerjaya masa hadapan. Melalui rundingan akan membantu individu untuk membuat keputusan yang lebih baik tentang laluan kerjaya mereka.

1.10 Rumusan

Bab ini bertindak sebagai asas kepada kajian penyelidikan ini. Ia membincangkan tentang pengenalan, latar belakang kajian, menerangkan tentang isu-isu pernyataan masalah, menggambarkan objektif penyelidikan dengan persoalan dan hipotesis kajian, menyatakan kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasi bagi istilah yang digunakan dalam penyelidikan ini. Oleh itu, huraian tentang sorotan kajian akan diperincikan dalam Bab 2.